

'9 kerusi bukan pengukur'

Pembangkang tak boleh bangga kerana majoriti BN lebih besar: TPM

Pilihan Raya DUN Sarawak

Oleh Azman Zakaria
dan Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, sembilan kerusi yang dimenangi pembangkang tidak boleh dianggap kemenangan besar kerana kejayaan Barisan Nasional (BN) mengekalkan pemerintahan membuktikan bahawa rakyat menyokong parti kerajaan.

Namun, Timbalan Perdana Menteri berkata, pembangkang akan menggembar-gemburkan kemenangan mereka di Sarawak sebagai kemenangan moral yang besar.

"Bagaimanapun, pembangkang perlu sedar mereka tidak boleh mendakwa sedemikian kerana BN memperoleh kemenangan lebih dua pertiga majoriti yang tentunya dianggap kemenangan besar kepada BN.

"Walaupun kurang (jumlah kerusi) berbanding pilihan raya lalu, kita akan ambil iktibar kemenangan kali

BH-21/05/2008
ini untuk memperbaiki kelemahan terutama daripada segi pandangan pengundi di Sarawak," katanya pada sidang media di Wisma TV, Angkasapuri di sini malam tadi.

Mengenai kemenangan pembangkang itu, Najib berkata, ia memang dijangka di beberapa kawasan, tetapi kemenangan sembilan kerusi itu menunjukkan pencapaian mereka lebih daripada yang dijangkakan.

Ditanya mengenai Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang memperoleh satu kerusi, beliau berkata, calon parti itu berbangsa Cina yang bermakna orang Melayu masih belum menerima parti berkenaan.

Berikutan itu, katanya, kajian mendalam akan dilakukan, terutama berkaitan pola pengundian di bandar dan luar bandar kerana ketika ini pencapaian BN di bandar yang tidak begitu memberangsangkan.

Malah, katanya, semua kajian perlu mengambil kira tambahan 11 kerusi dan persempadanan semula kawasan pilihan raya negeri itu.

"Bagaimanapun, kita masih ada masa untuk memperbaiki kelemahan bagi memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat kerana BN beriltizam untuk mencapai kejayaan lebih besar pada masa depan," katanya.



TUNAI TANGGUNGJAWAB: Tuai Rumah, Tegong Anak Empi yang berpakaian tradisional Iban mengundi di Rumah Panjang Tegong di Ulu Selangau, semalam.